

7

Pemeliharaan Dan Pembangunan Arkib Jurnal Elektronik

PEMULIHARAAN DAN PEMBANGUNAN ARKIB JURNAL ELEKTRONIK

Pengenalan

Aliran bajet langganan kepada sumber elektronik akan terus meningkat selaras dengan kepentingannya untuk memenuhi keperluan maklumat warga akademik dan penyelidik. Kos langganan juga akan terus meningkat pada kadar 8-15% yang merupakan kemestian untuk menampung kos pertambahan liputan teks penuh dan penyelenggaraan platform sistem. Peralihan daripada koleksi berasaskan sistem bercetak (*print library system*) kepada koleksi elektronik ini mewujudkan beberapa persoalan dan cabaran yang perlu ditangani secara pintar serta berkesan oleh perpustakaan akademik. Ini meliputi:

- a) Status hak milik jurnal elektronik yang samar

- b) Bukti bahawa perpustakaan mempunyai jaminan akses kepada kandungan jurnal elektronik yang diberikan hak *perpetual access* oleh penerbit
- c) Persediaan perpustakaan akademik di Malaysia dalam aspek infrastruktur dan teknologi yang mampu mengumpul, memelihara dan menyediakan akses kepada kandungan arkib jurnal elektronik sekiranya berlaku kejadian di luar jangka
- d) Keupayaan perpustakaan untuk meneruskan peranan menyediakan akses kepada bahan penerbitan sebagaimana fungsi berkenaan dilaksanakan dalam sistem naskhah bercetak (*print library systems*)

Orientasi Penyelidikan Pemuliharaan Jurnal Elektronik

Penerbitan bertajuk *Minimum Criteria Of An Archival Repository Of Digital Scholarly Journals* telah diterbitkan pada Mei 2000 hasil inisiatif oleh *Council Of Library And Information Resources (CLIR)*, *Digital Library Federation (DLF)* dan *Coalition For Networked Information (CNI)*. Berdasarkan kriteria ini, *Andrew W. Mellon Foundation* telah menggalakkan penyertaan perpustakaan dan institusi maklumat dalam penyelidikan dan perancangan pemuliharaan jurnal elektronik. Selaras dengan itu, tujuh (7) institusi telah menerima geran penyelidikan dan melaksanakan projek berkaitan pemuliharaan jurnal elektronik sepanjang tahun 2001-2002. Penyelidikan ini mempamerkan pelbagai fokus dan pendekatan pemuliharaan yang dilaksanakan di *Cornell University*, *Harvard University*, *Massachusetts Institute of Technology*, *Stanford University*, *University of Pennsylvania*, *Yale University* dan *New York Public Library*. Hasil penyelidikan juga telah mengengahkan isu berkaitan; i) keperluan ke arah pembangunan model perniagaan dan ekonomi yang berkesan untuk komuniti pengarang, penyelidik, penerbit dan perpustakaan; ii) pengenalpastian kandungan yang perlu dipelihara dan iii) bila serta bagaimana koleksi arkib jurnal elektronik boleh diakses oleh perpustakaan dan para pengguna perpustakaan. Apa yang penting,